

AN EXPLORATORY STUDY OF BLENDED SILK FABRIC FOR MEN'S USE: AN ANALYSIS OF CONTEMPORARY FATWA

KAJIAN EKSPLORASI FABRIK SUTERA CAMPURAN BAGI PEMAKAIAN KAUM LELAKI: SATU ANALISIS FATWA KONTEMPORARI

Mohd Mahyeddin Mohd Sallehⁱ, Mohd Nasir Abdul Majidⁱⁱ & Nurdalila A'wani Azizⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Timbalan Pengarah, Institut Fatwa dan Halal; Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan. mahyeddin@usim.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan. nasirmajid08@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Penyelaras, Institut Fatwa dan Halal & Pensyarah Kanan, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan. nurdalila.awani@usim.edu.my

Article Progress

Received: 3 Oktober 2025

Revised: 23 December 2025

Accepted: 15 March 2026

Abstract	<p><i>Silk-based clothing presents a current challenge in the textile industry, particularly for Muslim men. According to several Islamic legal evidences (dalil syarak), the prohibition of pure silk for men is clearly established. However, difficulties arise in determining the ruling, especially when it involves fabrics blended with pure silk and other non-silk materials. There is also ambiguity regarding the permissible proportion of silk allowed by Islamic law. Therefore, this article aims to clarify the definition of silk according to Islamic jurisprudence (fiqh), identify the types of blended silk batik available in the market, and analyze fatwas regarding the use of blended and synthetic silk. The research uses a qualitative methodology with data collection methods including document analysis, observation, interviews, and FTIR (Fourier-transform infrared spectroscopy) laboratory analysis. The study's findings indicate that the Islamic ruling on blended silk is determined based on the proportion of pure silk contained in the product. The rulings on blended silk can be categorized as follows: (1) haram (prohibited) – if the silk content is greater than other materials, (2) permissible – if the silk content is less than the other materials, (3) also permissible – if the silk content is equal to that of other materials. Laboratory results found that blended silk elements in the market fall into a different category than pure silk. The study also proposes the development of a silk detection tool to assist in more accurate and rapid identification of silk content.</i></p> <p>Keywords: <i>Fabric, Silk, Blended, Textile, Fatwa.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pakaian berasaskan sutera merupakan antara cabaran terkini dalam industri tekstil khususnya bagi kaum lelaki Islam. Menerusi beberapa dalil syarak, pengharaman sutera asli jelas diharamkan untuk lelaki. Namun demikian, timbul kesukaran untuk menentukan hukum khususnya apabila melibatkan fabrik yang dicampur antara sutera asli dan bahan selain sutera. Begitu juga mengenai jumlah kadar yang dibenarkan oleh syarak untuk dipakai. Justeru,</i></p>

	<p>artikel ini bertujuan menjelaskan definisi sutera menurut fiqh, mengenalpasti jenis-jenis batik sutera campuran yang terdapat di pasaran, dan menganalisis fatwa pemakaian sutera campuran dan sintetik. Metodologi kajian berbentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen, pemerhatian, temubual dan analisis makmal FTIR. Hasil kajian menunjukkan bahawa penentuan hukum sutera campuran dibuat berdasarkan kepada kadar sutera asli yang terkandung dalam produk sutera. Hukum sutera campuran boleh dikategorikan seperti berikut: 1) haram – sekiranya kandungan sutera lebih banyak daripada yang lain, 2) harus – sekiranya kandungan sutera lebih sedikit daripada yang lain, 3) harus juga sekiranya kandungan sutera sama banyak dengan yang lain. Dapatan makmal mendapati elemen sutera campuran di pasaran, berada dalam kategori yang berbeza dengan sutera asli. Kajian ini turut mencadangkan pembangunan alat pengesan sutera bagi membantu pengenalpastian kandungan yang lebih tepat dan pantas.</p> <p>Kata kunci: <i>Fabrik, Sutera, Campuran, Tekstil, Fatwa.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Penghasilan sutera dipercayai bermula di China sekitar 2700 SM semasa pemerintahan Maharaja Kuning, Huangdi. Menurut legenda, isteri Maharaja Kuning, Permaisuri Xi Lingshi, menemui rahsia sutera apabila seekor ulat sutera (*Bombyx mori*) jatuh ke dalam cawan teh panasnya dan mula mengurai benangnya. Bermula dari itu, orang China mula memelihara ulat sutera dan mengembangkan teknik tenunan dan pewarnaan sutera. Seterusnya, sutera mula menjadi simbol status sosial yang tinggi dan digunakan dalam pakaian bangsawan serta hadiah diplomatik (Czaplicki et al., 2021).

Penghasilan sutera di dunia Islam bermula sekitar 500 M - 1000 M, setelah berlaku penaklukan Parsi oleh orang Arab pada abad ke-7, menyebabkan teknik penghasilan sutera tersebar ke dunia Islam. Pusat-pusat penghasilan sutera seperti Baghdad, Damsyik, dan Kufa menjadi terkenal. Sutera Islam dikenali kerana keindahan dan kerumitan motif-motifnya yang sering mencerminkan pengaruh budaya Arab, Persia, dan Bizantium (Czaplicki et al., 2021).

Manakala penghasilan sutera di Asia Tenggara dan Asia Selatan dikesan bermula pada Abad ke-19 - ke-20. Penghasilan sutera diperkenalkan di wilayah-wilayah Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam, dan Malaysia. Teknik tenunan tradisional dikembangkan untuk menghasilkan sutera yang mencerminkan budaya tempatan. Bermula abad ke-21, terdapat peningkatan kesedaran mengenai kelestarian dalam penghasilan sutera. Beberapa pengeluar beralih kepada teknik penghasilan sutera yang lebih mesra alam dan etikal (Sharma et al., 2022).

Dalam konteks industri, terdapat beberapa jenis sutera asli yang terkenal, dihasilkan daripada ulat sutera. Contohnya seperti sutera mulberi (*mulberry silk*), sutera tussar (*tussah silk*), sutera eri (*eri silk*), sutera muga (*muga silk*), sutera habotai (*habutai silk*) dan sutera dupioni (*dupion silk*). Setiap jenis sutera memiliki ciri-ciri unik yang tersendiri (Jauzein & Colombar, 2009).

Penawaran sutera tempatan agak terhad, dan kebanyakan sutera yang digunakan di Malaysia diimport dari negara lain seperti China, India, dan Thailand. Namun, terdapat usaha untuk mengembangkan industri sutera tempatan, terutamanya dalam pembuatan kain tenunan tangan seperti songket dan batik (Nawawi et al., 2015). Dalam dunia fesyen, sutera turut digunakan oleh pereka tempatan untuk menghasilkan pakaian yang berkelas dan eksklusif, memanfaatkan sifat sutera yang halus dan berkilau (Yunus, 2012).

Manakala sutera campuran atau sintetik (*artificial silk*) dihasilkan daripada campuran serat semula jadi seperti kapas, bulu, dan linen bersama serat sintetik seperti rayon, nilon, viskos atau poliester. Ia mula diperkenalkan sekitar tahun 1900-an sebagai pilihan yang lebih murah berbanding sutera asli. Kebanyakan proses pengeluarannya

dilakukan menggunakan mesin, menjadikan penghasilannya lebih cepat, murah, dan mudah.

Sutera campuran/sintetik juga sering dikaitkan dengan rayon serta variasinya seperti viskos dan modal. Asalnya, semua bahan ini dibuat daripada selulosa, iaitu bahan semula jadi daripada tumbuh-tumbuhan, diperolehi daripada pulpa kayu pokok eucalyptus, kapas, buluh, kacang soya, dan pelbagai sumber lain. Selulosa ini akan melalui proses kimia untuk ditukar menjadi serat panjang dan halus yang kemudian ditunen menjadi fabrik (Ruth, 2022).

Dalam hal ini, status hukum sutera campuran memerlukan kepada kajian yang terperinci memandangkan sifat fizikalnya yang hampir sama dengan sutera tulen, meskipun yang membezakan antara keduanya adalah mengenai sumber dan kaedah penghasilannya. Bahkan, terdapat juga produk pakaian lelaki yang disulam atau ditunen bersama dengan benang sutera asli, menyebabkan timbul persoalan hukum mengenainya.

SOROTAN LITERATUR

Hukum Pemakaian Sutera Bagi Lelaki

Kecantikan dan keindahan merupakan sesuatu yang dituntut oleh agama Islam. Bagaimanapun, terdapat dua perkara yang diharamkan bagi kaum lelaki iaitu sutera dan emas. Dalil pengharaman sutera bagi lelaki dinyatakan dalam pelbagai riwayat hadis. Antaranya riwayat oleh Saidina Ali bin Abi Talib yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW meletakkan sutera di tangan kanannya dan emas di tangan kirinya dan bersabda:

{ هَذَا حَرَامٌ عَلَى دُكُورِ أُمَّتِي }

Maksudnya, "Kedua-dua ini adalah haram bagi kaum lelaki dari kalangan umatku" (Hadith. Ahmad bin Hanbal. 1998. Musnad Ali bin Abi Talib. #750).

Dalam hadis yang lain, Umar RA meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

{ مَنْ لَبَسَ الْحَرِيرَ فِي الدُّنْيَا لَمْ يَلْبَسْهُ فِي الْآخِرَةِ }

Maksudnya, "Barangsiapa yang memakai sutera di dunia, dia tidak akan memakainya di akhirat" (Hadith. Al-Bukhari. 1987. Kitab al-Kibas. Bab Labs al-Harir wa Iftirasyihi li al-Rijal. #5495)

Pengecualian bagi kaum lelaki untuk membolehkan memakai kain sutera disebabkan penyakit kulit berdasarkan hadis daripada Anas bin Malik RA:

{ رَخَّصَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلزُّبَيْرِ وَعَبْدِ الرَّحْمَنِ فِي لُبْسِ الْحَرِيرِ لِحَاكَةِ بِيَمَا }

Maksudnya, "Nabi SAW memberikan kelonggaran untuk Zubair dan Abd Rahman untuk memakai sutera kerana penyakit gatal yang mereka derita".

Ketika mensyarahkan hadis di atas, Sheikh Ibnu Hajar al-Asqalani (1957) menukilkan pandangan al-Tabari yang menyatakan bahawa dalil hadith tersebut menunjukkan larangan bagi kaum lelaki yang menggunakan sutera tidak termasuk orang yang mempunyai penyakit yang boleh berkurangan dengan hanya memakai pakaian sutera.

Sebab (*illah*) pengharaman sutera bagi kaum lelaki tidak dinyatakan secara jelas oleh Rasulullah. Bagaimanapun, terdapat beberapa pandangan daripada para sarjana Islam mengenai perkara ini. Menurut Sheikh Ibn Hajar al-Asqalani (1957), terdapat dua pandangan yang masyhur mengenai *illah* pengharaman sutera. Pertama disebabkan boleh menimbulkan perasaan megah dan bangga diri pada pemakainya.

Manakala kedua, sutera adalah pakaian kategori mewah dan menawan, justeru lebih sesuai untuk kaum wanita. Seterusnya, adalah disebabkan menyerupai kaum musyrikin. Al-Qaradawi (1994) berpandangan bahawa hikmahnya dapat dilihat dalam tiga aspek iaitu agama, sosial dan ekonomi. Dari sudut agama, keperluan kaum lelaki adalah bagi memenuhi

tanggungjawab jihad, justeru pemakaian sutera yang berciri halus ini tidak sesuai bagi sifat fizikal lelaki, berbanding wanita.

Dari sudut sosial, pengharaman sutera dapat membendung sifat terlalu bermewah dalam hidup, memandangkan harga sutera yang mahal dan menggambarkan ketidakadilan status sosial. Seterusnya, terdapat perbincangan dalam kalangan ulama mengenai hukum sutera untuk kegunaan selain daripada pakaian seperti menjadikan sebagai hamparan, tirai dan sebagainya.

Secara asas, terdapat hadis yang menyatakan mengenai larangan menjadikan sutera sebagai hamparan seperti diriwayatkan oleh al-Bukhari, daripada Huzaifah al-Yamani RA:

{ تَحَاثَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَشْرَبَ فِي آنِيَةِ الذَّهَبِ، وَالْفِضَّةِ، وَأَنْ تَأْكُلَ فِيهَا، وَعَنْ بُسِّ الْحَرِيرِ
وَالدِّيْبَاجِ، وَأَنْ تُجْلِسَ عَلَيْهِ }

Maksudnya, "Rasulullah SAW melarang kami minum menggunakan bekas emas dan perak, makan daripadanya, memakai pakaian sutera dan kain dibaj, serta duduk di atasnya" (Riwayat al-Bukhari).

Walaubagaimanapun, terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama mengenai isu ini, dan terbahagi kepada dua pendapat, iaitu:

- i. Pertama- Pendapat mengharamkan: Menurut Al-Syawkani (1993), berdasarkan hadis di atas, lafaz "*wa an najlisa 'alayhi*" menunjukkan pengharaman duduk di atas hamparan sutera, dan itulah pendapat yang dipegang oleh jumhur ulama, seperti disebutkan juga di dalam kitab *Fath al-Bari*. Pendapat ini turut dipegang oleh Umar, Abu Ubaidah, Sa'ad bin Abi Waqqas.

Selain itu, Imam al-Nawawi (t.th) dalam kitab *al-Majmu'* menegaskan bahawa pengharaman sutera untuk lelaki tidak hanya merujuk kepada menjadikan sutera sebagai pakaian semata-mata, bahkan meliputi semua jenis pemanfaatan seperti menjadikannya sebagai hamparan, tempat bersandar, alas tempat duduk, langsir dan seumpamanya. Ini adalah pendapat yang dipegang dalam mazhab Syafi'i, juga merupakan pendapat Imam Malik, Ahmad, Muhammad (al-Syaibani) dan Daud (al-Zahiri).

- ii. Kedua- Pendapat yang mengharuskan: Pendapat mengharuskan diriwayatkan daripada Ibn Abbas dan Anas bin Malik RA, yang menyebut bahawa diharuskan menjadikan sutera sebagai hamparan duduk. Ini jugalah pendapat yang dipegang oleh Ibn al-Majishun dan sebahagian ulama mazhab Syafi'i. Hujah mereka disebabkan hamparan adalah satu tempat yang dihinakan (kerana dijadikan tempat duduk), dan hukum ini disamakan secara kaedah qiyas terhadap bantal yang ditunen dengan *qazzi* (sejenis sutera) (Al-Syawkani, 1993).

KAJIAN TERDAHULU TENTANG FESYEN FABRIK SUTERA DALAM ISLAM DAN INDUSTRI

Kajian-kajian mengenai fesyen lebih banyak tertumpu kepada golongan wanita, berbanding lelaki. Sebagai contoh, kajian oleh Othman et al., (2016) mengupas mengenai fesyen wanita menurut perspektif Islam dan kesannya terhadap kesejahteraan fizikal dan spiritual. Hasil kajian ini menyatakan bahawa dari segi fizikal, fesyen yang patuh Syariah memberi keseimbangan rangsangan hormon secara sihat, mengawal keseimbangan rangsangan otak dan menggalakkan perkembangan tingkah laku yang baik. Dari sudut spiritual, meneguhkan keimanan, menjaga maruah dan mendapat keredhaan Allah.

Manakala kajian Salleh (2021) mendapati bahawa pakaian Muslimah pada zaman ini dilihat bukan lagi satu keperluan untuk menutup aurat semata-mata, tetapi juga untuk berfesyen. Fesyen pakaian dan perhiasan Muslimah yang pelbagai gaya dan rekaan, kadang kala mengheret mereka kepada ketidakpatuhan etika pakaian Syariat dan pada masa yang sama, mereka terjerumus ke dalam budaya tabarruj.

Meskipun terdapat kajian berfesyen bagi kaum lelaki, namun masih tidak memfokuskan kepada pemakaian sutera. Ini dapat dilihat dalam kajian oleh Othman et al., (2015) yang memfokuskan kepada lelaki berpakaian seperti perempuan dari sudut *gender identity disorder*, undang-undang syariah dan Perlembagaan Malaysia. Manakala Kambol (2020) pula menganalisis aspek kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*).

Beliau menegaskan bahawa dari segi perbahasan *fiqh*, *tasyabbuh* bermaksud penyerupaan dalam perkara-perkara melibatkan perhiasan, percakapan dan suara, gaya berjalan dan gerak badan, dan mengubah bentuk fizikal badan. Terdapat pengkaji yang mengupas mengenai pakaian dari perspektif Al-Qur'an dan mengaitkannya dengan fesyen masa kini seperti dilakukan oleh Maarif et al., (2018).

Menurut beliau, isu pakaian dan fesyen dalam Islam sentiasa menjadi perhatian masyarakat dan media sosial. Buktinya, pada tahun 2006 sahaja, industri fesyen telah menyumbang sebanyak RM9.9 bilion daripada keseluruhan eksport pembuatan di Malaysia. Hasil kajian ini difokuskan kepada para pereka fesyen, pengusaha butik dan pembeli supaya mementingkan pemilihan pakaian yang indah dan baik sepertimana disebut dalam kitab suci al-Qur'an.

Kajian Anbiya (2024) pula menjelaskan mengenai pemahaman ulama dan doktor tentang larangan memakai cincin emas dan pakaian sutera bagi laki-laki. Kajian ini menyimpulkan bahawa larangan memakai cincin emas dan pakaian sutera bagi laki-laki tiada larangan khusus dalam aspek kesihatan. Larangan pemakaian tersebut hanyalah dari sudut ajaran agama Islam. Bahkan, kajian ini menyatakan pemakaian emas dan sutera memiliki faedah kesihatan yang tersendiri.

Antara kajian yang lebih menjurus kepada isu larangan pakaian sutera dan emas bagi kaum lelaki adalah seperti dibuat oleh Alfani dan Fauziyah (2024). Meskipun terdapat fakta dan penjelasan dalam konteks hadis, namun perbincangan hasil kajian ini didapati lebih tertumpu kepada aspek emas dari segi kesihatan. Pengkaji menegaskan bahawa atom yang terdapat pada emas mampu menembus ke dalam kulit dan memasuki darah manusia.

Sekitar 8 buah hadis sahih dipilih daripada Kitab Sahih al-Bukhari. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai etika dalam tradisi yang berkaitan dengan sutera dapat digolongkan kepada tiga. Pertama, etika supaya umat Islam mempunyai jati diri yang teguh dan tidak bergantung kepada orang lain. Kedua, etika supaya umat Islam menjauhi sifat sombong dan berlebih-lebihan dalam berhias.

Ketiga, etika yang mengambil berat tentang urusan sosial dan hidup secara sederhana. Nilai estetik sutera dalam hadis dapat dilihat melalui pelbagai istilah yang merujuk kepada pakaian yang diperbuat daripada sutera, iaitu sebutan *harir*, *dibaj*, *qasiy*, *sundus*, *istabraq*, dan *siyara'*. Meskipun larangan pemakaian sutera bagi lelaki adalah jelas, tetapi apabila berlaku percampuran antara bahan sutera dan bukan sutera, ini menimbulkan isu hukum. Justeru, terdapat beberapa fatwa yang diputuskan di Malaysia berhubung isu pemakaian sutera, seperti di Jadual 1.

Analisis terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan adalah penting bagi melihat asas hukum, penghujahan dan kadar yang dibenarkan dalam isu pemakaian sutera campuran bagi lelaki.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan dalam kajian ini menggunakan kaedah metodologi kualitatif iaitu analisis dokumen, temubual dan analisis makmal.

Analisis Dokumen

Kaedah analisis dokumen adalah untuk memahami secara lebih dekat dan menyeluruh tentang perkara berkaitan dengan cara penghasilan sutera asli dan campuran, jenis-jenis dan kegunaannya dalam industri pakaian. Kajian ini juga meneliti kitab *fiqh* dan dokumen fatwa, sebagai rujukan bagi penetapan hukum berkaitan sutera campuran yang telah dibincangkan oleh para ulama muktabar.

Terdapat dua sumber analisis dokumen iaitu sumber primer yang terdiri daripada buku mengenai sutera asli dan sutera teratai dan kitab-kitab fiqah. Seterusnya, rujukan juga diambil dari sumber sekunder yang terdiri daripada buku, jurnal, majalah, bibliografi, kertas-kertas kerja seminar, akhbar dan sebagainya untuk mengetahui pandangan para sarjana Islam kontemporari terhadap kajian yang dibincangkan.

Jadual 1. Fatwa Dan Hukum Sutera Di Malaysia Dan Luar Negara

Bil.	Badan Fatwa	Tahun	Tajuk Isu
1.	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (<i>Al-Kafi lil Fatawi</i>)	2020	Hukum lelaki memakai pakaian bercampur sutera
2.	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (<i>Irsyad Hukum</i>)	2020	Menggunakan sejadah daripada sutera bagi lelaki
3.	Jabatan Mufti Negeri Selangor- (<i>Fatwa</i>)	2017	Hukum penggunaan tekstil berasaskan sutera.
4.	Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (<i>Ruangan Soal Jawab</i>)	2019	Hukum memakai baju sutera campuran.
5.	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	2019	Hukum penggunaan benang sutera dalam pakaian batik dan tenunan dalam industri batik di Malaysia
6.	Jabatan Mufti Negeri Selangor- <i>Taudhih Al-Hukmi</i>	2024	Hukum Lelaki Memakai Sutera Teratai
7.	<i>al-Lajnah al-Da'imah Arab Saudi</i>	T.th	<i>Labs al-thaub al-makhlut bi al-harir wa al-khatim al-muzayyan bi al-zaha</i>
8.	<i>Darul Ifta' al-Misriyyah</i>	1997	<i>Labs al-Harir</i>

Pemerhatian

Teknik pemerhatian ini digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang tingkah laku, interaksi sosial, dan konteks budaya tanpa campur tangan yang ketara daripada penyelidik. Dalam kajian ini, teknik pemerhatian terus (*direct observation*) digunakan dengan memerhati jenis-jenis sutera yang terdapat di pasaran.

Pemerhatian telah dilakukan di beberapa premis yang menjual pakaian berasaskan sutera di sekitar Kuala Lumpur (3 premis), pantai timur- Terengganu (6 premis) dan Kemboja (1 premis). Pemilihan lokasi dibuat secara rawak untuk mengenalpasti corak pasaran sutera secara umum, dan membolehkan penyelidik melihat tingkah laku dan interaksi dalam konteks sebenar di industri.

Temubual

Teknik temu bual bertujuan mengumpulkan maklumat berkenaan dengan kajian ini. Temubual dibuat ke atas sembilan orang responden terdiri daripada pengeluar dan penjual pakaian sutera di sekitar Kuala Lumpur, Terengganu dan Kemboja, bagi mendapatkan maklumat secara langsung dari mereka. Perkara ini dapat meningkatkan kepercayaan sesuatu dapatan kajian. Temu bual dilakukan secara semi-struktur bagi membolehkan soalan disusun semula semasa sesi temu bual dan soalan boleh ditambah atau dikurang.

Analisis Makmal- Spektroskopi FTIR (*Fourier Transform Infrared*)

Merupakan teknik analisis yang efektif untuk membezakan antara sutera asli dan sutera tiruan seperti poliester atau rayon. Dengan menggunakan FTIR, spektrum inframerah sampel sutera diambil untuk mengenal pasti ciri-ciri penyerapan yang unik berdasarkan getaran molekul dalam bahan tersebut. Sutera asli, yang terdiri daripada protein fibroin, menunjukkan jalur penyerapan yang jelas seperti Amida I ($1620-1650\text{ cm}^{-1}$), Amida II ($1510-1550\text{ cm}^{-1}$), dan Amida III ($1230-1300\text{ cm}^{-1}$) (Al-Kelani & Buthelezi, 2024).

Sebaliknya, sutera tiruan seperti poliester dan rayon menunjukkan ciri-ciri spektrum yang berbeza, seperti jalur regangan C=O sekitar 1710–1730 cm^{-1} untuk poliester, dan jalur regangan O–H yang luas sekitar 3200–3600 cm^{-1} untuk rayon (Kassem et al., 2023). Kaedah ini memerlukan persediaan sampel yang minimum, terutamanya jika menggunakan aksesori Attenuated Total Reflectance (ATR) pada spektrometer FTIR.

Sampel diletakkan pada kristal ATR, dan spektrum inframerah diambil dalam julat 4000 cm^{-1} hingga 400 cm^{-1} . Hasil analisis spektrum ini membolehkan pembezaan yang jelas antara sutera asli dan sutera tiruan, berdasarkan kehadiran atau ketiadaan jalur penyerapan tertentu yang sepadan dengan komposisi kimia bahan tersebut. Kaedah FTIR ini bukan sahaja cepat dan boleh dipercayai, tetapi juga tidak merosakkan sampel (Chen et al., 2012), menjadikannya alat yang berguna dalam pengesanan bahan tekstil.

DAPATAN KAJIAN

Jenis Fabrik Batik Sutera Bagi Kaum Lelaki Dalam Industri Tekstil

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di beberapa premis yang menjual pakaian berasaskan sutera di sekitar Kuala Lumpur dan pantai timur (Terengganu), hasil kajian ditunjukkan seperti dalam jadual (Jadual 2). Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa kebanyakan pakaian lelaki yang terdapat di pasaran Malaysia dalam bentuk baju batik, manakala di Kemboja pakaian umum. Terdapat pelbagai variasi sutera yang dijual, contohnya sutera asli dan sutera campuran.

Sutera asli lebih bertekstur halus dan licin. Tinjauan di pasaran Malaysia, mendapati pakaian batik sutera asli ada dijual di Kuala Lumpur. Contohnya batik sutera asli Terengganu dijual di Jakel Mall pada harga RM900 semeter, dan Italian silk dijual di Gulati's Silk House pada harga RM150 semeter. Manakala di Terengganu, setakat pemerhatian dan temubual yang dilakukan, tiada penjual yang menjual produk pakaian lelaki yang berasaskan sutera asli di pasaran.

Keadaannya berlainan di Kemboja apabila produk sutera asli lebih mudah ditemui, kerana negara Kemboja terkenal sebagai antara pengeluar produk sutera asli (Setharin, 2023). Berbanding dengan sutera asli, sutera campuran adalah yang paling banyak dijual di pasaran dengan kadar harga yang berbeza mengikut kualiti material fabrik yang digunakan. Selain itu, sutera campuran juga dikenali dengan pelbagai jenis nama. Antara jenis-jenis sutera campuran yang terdapat di pasaran adalah seperti berikut:

- i. *Silk Andres Valdars.*
- ii. *Jacquard Silk.*
- iii. *Vietnam Jacquard Silk.*
- iv. *Satin Silk.*
- v. *Crepe Silk.*
- vi. *Sutera Dolbi.*
- vii. *Batik crepe.*
- viii. *Batik satin silk.*
- ix. *Batik rayon silk.*

Dari sudut harga, batik sutera asli didapati lebih mahal berbanding sutera campuran, seperti dapat dilihat pada Jadual 2. Harga baju batik sutera turut dipengaruhi oleh motif corak batik. Dalam hal ini, batik sutera asli Terengganu dilihat memiliki harga yang paling tinggi, disebabkan kualiti material yang digunakan selain daripada corak batik eksklusif iaitu melalui cantingan tangan.

Harganya mencecah hingga RM1800 ke atas bagi baju batik siap (Gulati's Silk House, komunikasi peribadi, September 28, 2024). Di sesetengah gedung seperti Jakel Mall (komunikasi peribadi, September 28, 2024), produk pakaian ini diletakkan di sudut eksklusif di mana para pelanggan adalah dari kalangan orang kenamaan. Selain itu, teknik penghasilan batik juga adalah berbeza antara sutera asli dan sutera campuran. Bagi sutera asli, corak batik hanya dibuat menerusi cantingan tangan, manakala bagi sutera campuran

dibuat secara cetakan menggunakan mesin cetakan pakaian (Desa Murni Batik, Oktober 2, 2024).

Dalam aspek penjagaan fabrik pula, sutera asli memerlukan teknik penjagaan yang teliti dan hanya boleh dibasuh dengan cara *dry cleaning*, untuk memastikan warna batik tidak cepat luntur. Ini berbeza dengan sutera campuran kerana cara penjagaan lebih mudah dan boleh dibasuh menggunakan air (Titi Batik Terengganu, Oktober 2, 2024).

Jadual 2: Jenis Dan Perbezaan Harga Sutera Asli Dan Sutera Campuran

Lokasi	Nama premis	Jenis sutera	Harga
1) Kuala Lumpur	Jakel Mall	Batik silk asli (Terengganu). 100% silk andres valders (campuran).	RM900/meter RM95/meter
		Gulati's Silk House	Italian Silk (pure). Jacquard Silk (campuran).
	Kamdar Sdn. Bhd.	Sutera Vietnam Jacquard (campuran).	RM12.90/ meter
	2) Terengganu	Desa Murni Batik	Satin Silk (campuran).
Crepe Silk (campuran) - Baju asal berwarna putih, dicitak di kilang Desa Murni.			RM90/ 1 meter. Harga baju sehelai RM210- 250
Kedai Pasar Payang 1 (LC Batik).		Sutera Dolbi (campuran).	RM25/ meter (Kain pasang)
Kedai Pasar Payang 2 (Amaika Batik).		Batik crepe (campuran).	RM390/ baju siap lengan panjang
Kedai Pasar Payang 3 (Kamariah Batik Sutera).		Batik crepe (campuran).	RM280/ baju siap lengan panjang
Titi Batik Terengganu.		Batik satin silk (campuran)	RM400/ baju siap lengan panjang
		Batik crepe silk (campuran)	RM350/ baju siap lengan panjang. Kain pasang RM120/ meter
		Batik rayon silk (campuran)	RM300/ baju siap lengan panjang
Bonda Batik		Batik crepe silk (campuran)	RM112/ meter- kain pasang
		Batin satin silk (campuran)	RM280/ baju siap lengan panjang RM312/ meter- kain pasang
3) Kemboja	Artisan Angkor	Kokon sutera (cocoon) <i>Pure silk</i> (sutera asli)	Percuma Harga mengikut jenis pakaian

Lotus farm	Sutera teratai	Harga mengikut jenis pakaian
------------	----------------	------------------------------

Analisis Statistik Dataset Perbandingan Sutera Dari Ulat Sutera (Cocoon) dan Sutera Campuran


Dalam kajian ini, sebanyak 19 sampel kain sutera termasuk benang dari ulat sutera telah diperolehi daripada pasaran Malaysia dan Kemboja. Setiap kain sutera tersebut telah dikumpul dan dilabelkan masing-masing seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Kain Sutera Pelbagai Nama Dari Malaysia Dan Kemboja

Bil.	Label	Nama Sampel	Ketulenan	Sumber	Lokasi
1.	SA3	Cocoon (Ulat Sutera)	Asli	Lotus Farm	Kemboja
2.	SA1	Sutera Asli	Asli	Sutera Silk	Kuala Lumpur
3.	SA2	Italian Silk	Asli	Gulatis Silk House	Kuala Lumpur
4.	SA4	Raw Silk	Asli	Artisan Angkor	Kemboja
5.	SA5	Fine Silk	Asli	Artisan Angkor	Kemboja
6.	M1	Crepe Silk	Campuran	Desa Murni	Pantai Timur
7.	M2	Satin Silk	Campuran	Desa Murni	Pantai Timur
8.	M3	Dolbi Silk	Campuran	Pasar Payang	Pantai Timur
9.	M4	Silk Andres Valders	Campuran	Jackel	Kuala Lumpur
10.	M5	Jacquard Silk	Campuran	GHS	Kuala Lumpur
11.	M6	Vietnam jacquard	Campuran	Kamdar	Kuala Lumpur
12.	L100	Lotus 100%	100% Lotus	Lotus Farm	Kemboja
13.	L50S	Lotus 50% Silk	50% Lotus 50% Silk	Lotus Farm	Kemboja
14.	L50C	Lotus 50% Cotton	50% Lotus 50% Cotton	Lotus Farm	Kemboja
15.	L50K	Lotus 50% Kapok	50% Lotus 50% Kapok	Lotus Farm	Kemboja
16.	L25S	Lotus 25% Silk	25% Lotus 75% Silk	Lotus Farm	Kemboja
17.	L10C	Lotus 10% Cotton	10% Lotus 90% Cotton	Lotus Farm	Kemboja
18.	S50K	Silk 50% Kapok	50% Silk 50% Kapok	Lotus Farm	Kemboja
19.	C50K	Cotton 50% Kapok	50% Cotton 50% Kapok	Lotus Farm	Kemboja

Pemerhatian pada Rajah 1 menunjukkan komponen utama pertama dan kedua (PC1 dan PC2) menerangkan 86% daripada jumlah varians bagi sampel sutera dari ulat sutera (cocoon) dan sutera campuran dapat dibezakan. Analisis plot skor PC1 berbanding PC2 menunjukkan pemisahan yang ketara bagi empat (4) kumpulan sampel iaitu M1, M2 dan

M4 dalam satu kelompok, M5 dan M3 dalam satu kelompok, M6 dalam satu kelompok dan ulat sutera (cocoon) dalam satu kelompok.



Rajah 1. Perbandingan Sutera Dari Ulat Sutera (Cocoon) Dan Sutera Lotus Dengan Sutera Campuran

Pemerhatian pada Rajah 1 jelas menunjukkan analisis menggunakan kaedah FTIR dan statistik berjaya menunjukkan perbezaan di antara sampel-sampel sutera campuran dan sutera asli. Ini menunjukkan sampel sutera campuran yang terlibat dalam kajian ini, bukanlah dari kelompok sutera asli.

ANALISIS FATWA BERKAITAN PEMAKAIAN SUTERA CAMPURAN

Penelitian dibuat terdapat keputusan fatwa dan pandangan hukum yang telah dikeluarkan di Malaysia dan luar negara berkaitan isu pemakaian sutera bagi kaum lelaki. Justeru, fatwa-fatwa tersebut boleh dikelaskan mengikut tiga kategori iaitu; sutera tulen, sutera campuran dan sutera sintetik. Penjelasan hukum adalah seperti di bawah.

Hukum Pemakaian Sutera Tulen Oleh Lelaki

Sutera asli atau tulen bermaksud sutera yang tidak bercampur dengan bahan lain dan memiliki 100% bahan daripada ulat sutera. Hukumnya diharamkan bagi kaum lelaki sama ada untuk tujuan pakaian atau bukan pakaian seperti dijadikan hamparan atau sejadah. Ini seperti diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2018 yang bersidang pada 29-30 April 2018, mengenai hukum penggunaan benang sutera pakaian batik dan tenun dalam industri batik di Malaysia.

- i. Sutera Asli 100%.
 - a. *“Golongan wanita diharuskan memakai sutera. Manakala golongan lelaki diharamkan. Pengharaman ini meliputi sama ada pakaian keseluruhannya daripada sutera atau pun sebahagian daripada pakaian tersebut daripada sutera, termasuk juga apa-apa produk yang berasaskan sutera seperti menjadikan sutera sebagai hamparan tempat duduk*

atau berbaring atau dijadikan sejadah untuk solat” (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2018).

- b. Hukum haram turut dinyatakan dalam keputusan fatwa oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-4/2017: *“Haram bagi lelaki memakai dan menggunakan sutera asli 100%”* (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017).

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menerusi ruangan Irsyad Hukum Siri ke-469, turut menjelaskan hukum menggunakan sejadah daripada sutera bagi lelaki. Antara keputusan hukum adalah:

- c. *“Hukum menggunakan sutera selain daripada pakaian samada di dalam solat seperti sejadah atau di luar solat seperti selimut, cadar, dan sebagainya ialah sama seperti hukum memakai sutera iaitu haram bagi kaum lelaki dan halal bagi kaum perempuan. Bagi lelaki yang memakai sutera atau menggunakannya sebagai alas untuk solat, dia menanggung dosa kerana melakukan perbuatan yang haram tetapi solatnya tetap sah di sisi jumbuh ulama’. Hal ini kerana perkara tersebut tidak memberi apa-apa kesan dari sudut sah dan batalnya solat mengikut hukum syarak”* (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020a).

Hukum Pemakaian Sutera Campuran

Sutera campuran bermaksud produk yang mengandungi campuran sutera asli dengan bahan selain sutera. Hukumnya ditetapkan berdasarkan kepada kadar kandungan sutera asli yang terdapat padanya. Sebagai contoh, menerusi ruangan soal jawab Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (2019) berhubung persoalan hukum memakai baju sutera campuran, jawapan yang diberikan adalah:

- i. Haram sekiranya kandungan sutera lebih banyak daripada yang lain.
- ii. Harus sekiranya kandungan sutera lebih sedikit daripada yang lain.
- iii. Harus juga sekiranya kandungan sutera sama banyak dengan yang lain.

Menerusi keputusan fatwa di negeri Selangor, kadar sutera campuran ditetapkan dengan jelas, iaitu hukumnya menjadi haram apabila kandungan sutera asli melebihi 51%. Fatwa tersebut menyatakan *“Haram bagi lelaki memakai dan menggunakan sutera campuran yang benang sutera aslinya melebihi 51%”* (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017). Bagaimanapun, huraian yang lebih terperinci dapat dilihat dalam keputusan fatwa oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2018 seperti berikut:

- i. Sutera Asli Campuran.

Hukum golongan lelaki memakai pakaian yang dihasilkan daripada sutera asli campuran berdasarkan beberapa keadaan (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2018):

- a. Pakaian daripada kain yang diperbuat daripada campuran benang sutera dan benang lain, yang diistilahkan sebagai al-khazz. Hukumnya adalah merujuk kepada sejauh mana elemen sutera asli lebih dominan. Sekiranya sutera asli lebih dominan, maka hukumnya haram digunakan. Namun sekiranya elemen selain sutera asli lebih dominan, maka ia harus digunakan.
- b. Pakaian yang mempunyai dua lapisan, salah satunya lapisan daripada sutera dan keduanya lapisan daripada bukan sutera. Pakaian seumpama ini juga haram dipakai oleh golongan lelaki, sama ada lapisan sutera itu menjadi lapisan luar, atau menjadi lapisan dalam.
- c. Pakaian yang terdiri daripada tiga lapisan, di mana lapisan tengahnya adalah daripada kain sutera, manakala lapisan luar dan lapisan dalam adalah daripada kain biasa. Pakaian seperti ini dibenarkan untuk golongan lelaki memakainya.
- d. Pakaian yang terdapat padanya cebisan kain sutera seperti pada poket, hujung lengan dan seumpamanya. Penggunaan sedikit kain sutera pada pakaian lelaki untuk dijadikan poket, hiasan pada lengan dan seumpamanya adalah

- dibenarkan. Syarat kain sutera itu tidak melebihi saiznya sebesar empat jari orang dewasa yang biasa, dan secara urufnya kain sutera itu hanyalah sedikit.
- e. Pakaian yang dihias dengan sulaman daripada benang sutera. Ia dibenarkan dengan syarat saiz sulaman itu tidak melebihi saiz empat jari orang dewasa yang biasa.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam ruangan al-Kafi li al-Fatawi, mengenai hukum lelaki memakai pakaian bercampur sutera, menyatakan seperti berikut: *“Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, lelaki boleh memakai pakaian yang bercampur sutera sekiranya campuran kain sutera pada kadar 50%, sama banyak dengan kadar material kain lain, atau campuran sutera kurang 50%. Sebaliknya, haram lelaki memakai sutera sekiranya kadar campuran kain sutera lebih banyak atau kadarnya melebihi 50% daripada material lain. Adapun, pengecualian bagi kanak-kanak lelaki memakai sutera dan rukhsah bagi lelaki yang mengalami masalah penyakit kulit”* (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020b).

Manakala dalam satu isu mengenai hukum memakai pakaian yang dicampur dengan sutera, *al-Lajnah al-Da’imah Arab Saudi* (t.th) menyatakan bahawa tidak harus bagi lelaki memakai sutera asli daripada ulat sutera sepenuhnya atau campuran sutera. Namun, diharuskan jika campurannya adalah dalam bentuk corak atau seumpamanya yang jumlahnya tidak melebihi empat jari. Fatwa penuh adalah seperti berikut:

{ الحرير الطبيعي المأخوذ من دودة القز لا يجوز لبسه للرجال..... وعليه، فلا يجوز لبس الثوب من الحرير خالصاً أو مخلوطاً إلا إذا كان الخلط من الحرير طرازاً أو نحوه لا يزيد مجموعه على أربعة أصابع، فتجوز لما روى مسلم عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه: أن النبي صلى الله عليه وسلم نهى عن لبس الحرير إلا موضع إصبعين أو ثلاث أو أربع، أما الحرير الصناعي فجائز لبسه؛ لأن الأصل في اللباس الإباحة، ولأنه ليس الحرير المنهي عن لبسه، والاشتراك في الاسم دون الحقيقة لا يصيِّره شريكاً في الحكم }

Maksudnya, *“Sutera asli yang diambil daripada ulat sutera tidak dibenarkan dipakai oleh lelaki... Oleh itu, tidak dibenarkan memakai pakaian yang diperbuat sepenuhnya daripada sutera atau campuran sutera, kecuali jika campurannya adalah dalam bentuk corak atau seumpamanya yang jumlahnya tidak melebihi empat jari. Ini dibolehkan berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Umar bin Al-Khattab RA, bahawa Nabi SAW melarang pemakaian sutera kecuali pada bahagian sebesar dua, tiga, atau empat jari”* (Al-Ri’asah al-Ammah lil Buhuth al-’Ilmiyyah wa al-Ifta’. T.th.)

Hukum Pemakaian Sutera Sintetik

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2018 yang bersidang pada 29-30 April 2018 memutuskan seperti berikut *“Sutera sintetik adalah sutera tiruan yang bukan berasal daripada benang ulat sutera. Hukum penggunaannya adalah harus”*. Begitu juga menurut ketetapan *al-Lajnah al-Da’imah Arab Saudi* (t.th), hukumnya harus meskipun diletakkan dengan nama sutera. Ini dapat dilihat dalam kenyataan berikut:

أما الحرير الصناعي فجائز لبسه؛ لأن الأصل في اللباس الإباحة، ولأنه ليس الحرير المنهي عن لبسه، والاشتراك في الاسم دون الحقيقة لا يصيِّره شريكاً في الحكم.

Maksudnya, *“Adapun sutera tiruan, ia dibolehkan dipakai kerana asal hukum dalam pakaian adalah harus, dan kerana ia bukan sutera yang dilarang pemakaiannya. Persamaan pada nama tanpa hakikat sebenar tidak menjadikan ia sama dari segi hukum”*.

Sheikh ‘Atiyyah Saqr (1997) menerusi fatwa yang dikeluarkan oleh *Darul Ifta’ al-Misriyyah*, menyatakan ciri-ciri sutera yang diharamkan haruslah memiliki sifat seperti disebutkan dalam hadis, iaitu terhasil daripada ulat sutera. Manakala, bagi sutera

sintetik/buatan, tidak termasuk dalam larangan yang dinyatakan dalam hadis, meskipun memiliki sifat kelembutan fabrik yang menyamai sutera asli. Beliau berkata:

الحرير الذي وردت فيه النصوص هو الحرير الطبيعي المأخوذ من دودة القز، أما الحرير الصناعي فيشبهه في النعومة ولكن لا يأخذ حكمه، روى ابن ماجه عن علي رضي الله عنه قال: رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم أخذ حريرا فجعله في يمينه بذهبا فجعله في شماله ثم قال: إن هذين حرام على ذكور أمتي، حل لإناثهم.

Maksudnya, "Sutera yang disebut dalam nas-nas syarak adalah sutera asli yang diperolehi daripada ulat sutera. Adapun sutera tiruan, ia hanya menyerupai sutera asli dari segi kelembutan tetapi tidak mengambil hukumnya. Ibnu Majah meriwayatkan daripada Ali r.a., beliau berkata: "Aku melihat Rasulullah ﷺ mengambil sutera dan meletakkannya di tangan kanannya, serta mengambil emas dan meletakkannya di tangan kirinya, kemudian baginda bersabda: 'Sesungguhnya kedua-dua ini haram bagi lelaki dalam kalangan umatku, tetapi halal bagi wanita mereka'".

PERBINCANGAN

Jika dilihat, kesemua keputusan fatwa adalah senada dari sudut pengharaman pemakaian sutera asli bagi kaum lelaki. Ini seperti ditegaskan oleh Al-San'ani (t.th) dalam kitab *Subulussalam*, bahawa sutera yang dimaksudkan dalam nas-nas hadis adalah merujuk kepada sutera asli.

Dalam *Mawsu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah*, dinyatakan bahawa sutera tulen merupakan sejenis bahan yang dihasilkan daripada ulat sutera (Wizarat al-Awqaf al-Kuwaitiyyah, 1997). Manakala menurut Ahmad Mukhtar (2008) di dalam *Mu'jam al-Lughat al-Arabiyyah al-Mu'asarah*, sutera (*harir*) adalah sejenis tenunan yang lembut dan nipis diperbuat daripada benang ulat sutera, dan biasanya dijadikan pakaian.

Selain itu, terdapat juga perbezaan berkaitan penetapan kadar kandungan sutera yang dibenarkan bagi isu sutera campuran. Sesetengah fatwa membuat ketetapan secara umum sahaja. Contohnya dalam keputusan fatwa oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan dinyatakan bahawa sekiranya kandungan sutera lebih banyak daripada yang lain, hukumnya haram. Ini berbeza dengan fatwa oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (2017) apabila kadar sutera campuran ditetapkan dengan jelas, iaitu hukumnya menjadi haram apabila kandungan sutera asli melebihi 51%.

Manakala Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020b) pula menetapkan haram apabila sutera lebih banyak atau kadarnya melebihi 50% daripada material lain. Bagi negeri Pulau Pinang pula, keputusan fatwanya adalah lebih terperinci apabila hukum sutera ditetapkan mengikut jenis pakaian sama ada sutera campuran, sutera lapisan, cebisan sutera dan sulaman daripada benang sutera. Di sebalik kadar yang berbeza ini, namun asasnya masih sama iaitu hendaklah kadar sutera asli tidak dominan berbanding material lain.

Fatwa turut menetapkan bahawa hukum pengharaman sutera bagi lelaki adalah merangkumi kesemua bentuk pemanfaatan iaitu sama ada dijadikan sebagai pakaian, atau bukan pakaian, digunakan di dalam solat seperti sejadah atau di luar solat seperti selimut, cadar, dan sebagainya.

Ketetapan ini didapati selaras dengan pandangan jumhur ulama, seperti ditegaskan oleh Imam al-Nawawi (t.th) dalam kitab *al-Majmu'* bahawa pengharaman sutera untuk lelaki tidak hanya merujuk kepada menjadikan sutera sebagai pakaian semata-mata, bahkan meliputi semua jenis pemanfaatan seperti menjadikannya sebagai hamparan, tempat bersandar, alas tempat duduk, langsir dan seumpamanya. Ini adalah pendapat yang dipegang dalam mazhab Syafii, juga merupakan pendapat Imam Malik, Ahmad, Muhammad (al-Syaibani) dan Daud (al-Zahiri).

Dalam konteks pakaian sutera campuran yang dijual di pasaran Malaysia, didapati bahawa kesemua sampel yang terlibat bukan bersumberkan daripada sutera asli. Ini turut dibuktikan dengan analisis menggunakan kaedah FTIR dan statistik yang berjaya

menunjukkan perbezaan di antara sampel-sampel sutera campuran dan sutera asli. Ini menunjukkan sampel sutera campuran yang terlibat dalam kajian ini, bukanlah dari kelompok sutera asli.

Bagi sutera sintetik, meskipun memiliki sifat yang hampir sama dengan sutera asli, dari sudut kelembutan dan kehalusan, hukumnya adalah harus. Ini dapat dilihat menerusi fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2018). Ini kerana menurut pandangan *al-Lajnah al-Da'imah Arab Saudi* (t.th), sutera sintetik bukan sutera yang dilarang pemakaiannya oleh hadis. Persamaan pada nama tanpa hakikat sebenar tidak menjadikannya sama dari segi hukum. Berdasarkan hasil pemerhatian di lapangan, antara contoh nama sutera sintetik adalah seperti *Satin Silk*, *Rayon Silk* dan *Dolbi Silk*.

Fatwa-fatwa yang diputuskan didapati telah memberikan satu panduan yang jelas kepada masyarakat Islam, khususnya lelaki dalam memilih fabrik pakaian yang sesuai dan patuh syariah. Namun, antara cabarannya ialah kesukaran untuk menentukan dengan tepat jenis dan kadar sutera asli yang terdapat pada pakaian.

Meskipun fatwa telah memberikan kadar tertentu sebagai panduan, namun ia mungkin berbeza antara jenis pakaian, sama ada pakaian yang ditenun, disulam, mahupun dilapisi dengan sutera asli. Dalam situasi ini, ketelusan informasi dan kejujuran oleh pembekal dan penjual memainkan peranan penting, agar pembeli dalam kalangan lelaki Muslim tidak terbeli pakaian daripada sutera asli.

PENUTUP

Secara umum, kajian ini telah berjaya mengenalpasti jenis-jenis fabrik sutera campuran yang terdapat di pasaran, seterusnya menganalisis fatwa-fatwa mengenainya. Isu pemakaian sutera adalah penting kerana jarang dibuat kajian ekspolarasi khusus mengenainya. Kajian ini mendapati bahawa hukum pemakaian sutera campuran bagi kaum lelaki adalah berbeza mengikut jenis dan kandungan sutera asli yang terdapat dalam sesuatu produk fabrik.

Terdapat tiga kategori hukum produk sutera iaitu sutera asli/tulen, sutera campuran dan sutera sintetik;

- i. Jika kandungan sutera asli lebih mendominasi, iaitu berkadaran 50% dan ke atas, hukumnya haram dipakai,
- ii. Jika kadar sutera asli kurang berbanding material lain, hukumnya harus, dan
- iii. Jika kadar sutera asli bersamaan dengan material bahan lain hukumnya adalah harus.

Sebagai cadangan, garis panduan syariah berkaitan industri tekstil dan fesyen perlu dibangunkan untuk memberi panduan kepada masyarakat Muslim, merangkumi pembekal dan pengguna. Ini bagi mengelakkan pembeli Muslim daripada terbeli pakaian yang tidak mematuhi kehendak syarak. Ruang kajian lanjutan boleh dilakukan antaranya menganalisis dengan lebih terperinci dari sudut sains material dan hukum.

RUJUKAN

- Ahmad Mukhtar. 2008. *Mu'jam al-Lughat al-Arabiyyah al-Mu'asarah*. Darul Kutub al-'Ilmiyyah.
- Alfani, M. & Fauziyah, F. (2024). Larangan Emas Dan Sutera Untuk Laki-Laki: Fakta Dan Penjelasan Dalam Hadis. *Jurnal Ilmu Al Quran dan Hadis*, 4(2), 341-348.
- Al-Kelani, M. & Buthelezi, N. (2024). Advancements in medical research: Exploring Fourier Transform Infrared (FTIR) spectroscopy for tissue, cell, and hair sample analysis. *Skin Res Technol*. 30(6):e13733.
- Al-Lajnah al-Da'imah Arab Saudi (Al-Ri'asah al-Ammah lil Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'). (t.th). (2018, 8 April). Labs al-thaub al-makhlut bi al-harir wa al-khatim al-muzayyan bi al-zahab. <http://www.alifta.net/fatawa/fatawaDetails.aspx?languagename> (diakses pada 5 Mac 2025).

- Al-Nawawi, Muhyiddin Yahya bin Syaraf. (T.th). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Darul Fikr.
- Anbiya. (2024). *Pemahaman Ulama Dan Dokter Tentang Larangan Memakai Cincin Emas Dan Pakaian Sutra Bagi Laki-laki*. Uin Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1994). *The Lawful and The Prohibited in Islam*. Indiana: American Trust Publication.
- Al-Ri'asah al-Ammah lil Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'. T.th. "Labs al-thaub al-makhlut bi al-harir wa al-khatim al-muzayyan bi al-zahab". <http://www.alifta.net/fatawa/fatawaDetails.aspx?languagename> (diakses pada 14 Julai 2025).
- Al-San'ani. Muhammad bin Ismail. T.th. *Subulussalam*. Darul Hadith
- Al-Syawkani. Muhammad bin Ali. 1993. *Nail al-Autar*. Mesir: Darul Hadith.
- Atiyyah Saqr. 1997. "*Labsu al-Harir*". Kitab Fatawa Darul Ifta' al-Misriyyah.
- Chen, F., Porter, D. & Vollrath, F. (2012). Silk cocoon (*Bombyx mori*): multi-layer structure and mechanical properties. *Acta Biomater.* 8, 2620-2627.
- Czaplicki, Z., Gliścińska, E., & Machnowski, W. (2021). Natural silk – an unusual fibre: origin, processing and world production. *Fibres and Textiles in Eastern Europe*, 29:5(149), 22–28.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (1957). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Darul Makrifah.
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (2019). Memakai baju sutera campuran. <https://muftins.gov.my/soaljawab/memakai-baju-sutera-campuran/> (diakses pada 18 April 2025).
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2018). Hukum penggunaan benang sutera pakaian batik dan tenun dalam industri batik di Malaysia. (2018, 30 April) <https://mufti.penang.gov.my/> (diakses pada 14 September 2025).
- Jabatan Mufti Negeri Selangor (2017). Hukum penggunaan tekstil berasaskan sutera. (2017, 18 Jun) <https://www.muftiselangor.gov.my / 2023 / 10 / 27 / hukum- penggunaan- tekstil- berasaskan - sutera /> (diakses pada 23 September 2025).
- Jauzein, V., & Colomban, P. (2009). *Types, structure and mechanical properties of silk. Handbook of tensile properties of textile and technical fibres* (pp. 144-178). Woodhead Publishing.
- Kambol, R. (2020). Kesalahan Lelaki Berpakaian Wanita Atau Menyerupai Wanita (Tasyabbuh): Isu Dan Cadangan Penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, 3(1), 113-126.
- Kassem, A., Abbas, L., Coutinho, O., Opara, S., Najaf, H., Kasperek, D., Pokhrel, K., Li, X., Tiquia-Arashiro, S. (2023). Applications of Fourier Transform-Infrared spectroscopy in microbial cell biology and environmental microbiology: advances, challenges, and future perspectives. *Front Microbiol.*, 14:1304081.
- Maarif, M. S. M., Ishak, H., & Zabidi, A. F. M. (2018). Pakaian Dalam Al-Qur'an dan Kaitannya dengan Fesyen Masa Kini: Satu Sorotan Literatur. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(2), 1-11.
- Nawawi, N. M., Aziz, A., Legino, R., Ahmad, N. H., & Ismail, N. H. (2015). The nature of Malay songket textile patterns. *Business and Management Quarterly Review*, 6(23), 41-56.
- Othman, R., Muhamad, S. N., Yusof, F. M., & Harun, M. A. W. (2016). Fesyen wanita menurut perspektif Islam dan kesannya terhadap kesejahteraan fizikal dan spiritual. *Sains Humanika*, 8(3).
- Othman, Y. (2015). *Lelaki berpakaian seperti perempuan: antara gender identity disorder, undang-undang Syariah dan perlembagaan Malaysia. Islamic Heritage Leads The Transformation of Ummah*. Melaka: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020a). Irsyad Hukum Siri Ke- 469 : Menggunakan Sejadah Daripada Sutera Bagi Lelaki. (2020, 2 Mei) <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel / irsyad - hukum / umum / 4367-irsyad-al->

fatwa -siri -ke- 469-menggunakan - sejadah-daripada-sutera-bagi-lelaki (diakses pada 19 April 2025).

- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020b). Al-Kafi # 1752: Hukum Lelaki Memakai Pakaian Bercampur Sutera. (2020, 11 Jun) <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4622-al-kafi-1752-hukum-lelaki-memakai-pakaian-bercampur-sutera> (diakses pada 6 Mac 2025).
- Ruth Raganit (2022, 2 Ogos). Natural Silk vs Artificial Silk: Which Is Better? <https://www.hiendaccents.com/> (diakses pada 2 Jun 2025).
- Salleh, N. (2021). *Tabarruj dan fesyen pakaian muslimah pada zaman kini*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press).
- Setharin, P. (2023). Sericulture in Cambodia. *International Journal of Wild Silkworm and Silk*, 24, 39-42.
- Sharma, A., Gupta, R. K., Sharma, P., Qadir, J., Bandral, R. S., & Bali, K. (2022). Technological innovations in sericulture. *International Journal of Entomology Research*, 7(1), 7-15.
- Wizarat al-Awqaf al-Kuwaitiyyah. 1997. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*.
- Yunus, N. A. (2012). *Malaysian batik: Reinventing a tradition*. Tuttle Publishing.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.